

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SEU226/SEW316 - Ekonomi Buruh

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Calon-calon boleh menjawab dalam Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris. Bagi mereka yang menjawab dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya SATU soalan MESTI dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A dan hanya DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (60 markah)

Jawab SEMUA soalan dari bahagian ini.

Soalan 1

- (a) Ada unsur eksplotasi dalam pasaran buruh monopsoni. Terangkan.

[There is an element of exploitation in a labour market dominated by monopsony. Explain.]

(10 markah)

- (b) Keluk permintaan kepada buruh oleh sebuah firma lebih anjal dalam jangka panjang daripada jangka pendek. Jelaskan sebab-sebabnya.

[A firm's demand curve for labour is generally more elastic in the long-run than in the short-run. Explain why.]

(10 markah)

- (c) Terangkan perbezaan-perbezaan asas di antara kadar penglibatan tenaga kerja di negara-negara membangun dan negara-negara maju.

[Explain the basic differences between labour force participation rates in developing and developed countries.]

(10 markah)

- (d) Buat satu analisis tentang keluk penawaran buruh bercerun ke belakang dengan mengambil kesan pendapatan dan kesan penggantian sebagai bantuan analisis.

[Analyse backward sloping supply curve of labour with the help of income and substitution effects.]

(10 markah)

- (e) Terangkan kemungkinan pemisahan pekerjaan dalam pasaran buruh mengikut model sesakan (crowding out model).

[Explain the possibility of occupational segregation in the labour market in terms of crowding out model.]

(10 markah)

- (f) Kenapakah dan bagaimanakah bahagian upah wang boleh meningkat dalam jangka panjang menurut model Ricardo?

[Why and how does share of money wages go up in the long-run in the Ricardian model?]

(10 markah)

Bahagian B (40 markah)

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja.

Soalan 2

Jelaskan dualisma pasaran buruh di negara-negara membangun. Bagaimanakah anda dapat mengira peningkatan permintaan buruh di Malaysia dalam konteks pengeluaran yang semakin menggunakan intensif modal?

[Explain labour market dualism in developing countries. How can you account for the increase in labour demand in Malaysia in the context of increasing capital intensity in production?]

(20 markah)

...3/-

Soalan 3

Terangkan cara-cara bagaimana struktur pekerjaan boleh dikaitkan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Kaitkan dengan implikasi di Malaysia apabila ia menukar struktur pekerjaannya.

[Explain how occupation structure can be related to economic development of a country. Bring out in this context, the implications of Malaysia's changing occupation structure.]

(20 markah)

Soalan 4

Analisa teori upah Marx di bawah kapitalisme dengan mengemukakan contoh perhubungan antara upah dan produktiviti. Adakah teori ini boleh diguna bagi kes ekonomi Malaysia? Terangkan dengan contoh-contoh.

[Analyse Marx's theory of wages under capitalism by bringing out the relation between wages and productivity. Does the theory apply in the Malaysian case? Explain with evidence.]

(20 markah)

Soalan 5

Analisa dengan kritis kesan buruh asing di Malaysia dengan merujukkan kepada:

- (a) sumbangan kepada KDNK
- (b) pemindahan pendapatan
- (c) pembayaran cukai dan yuran pengguna
- (d) peningkatan inflasi desakan-permintaan
- (e) pengurangan ke atas upah pekerja-pekerja tempatan.

[Critically analyse the impact of foreign labour in Malaysia with reference to:

- (a) contribution to GDP
- (b) remittances
- (c) payment of tax and user fees
- (d) escalation of demand-induced inflation
- (e) reduction in the wages of local workers.]

(20 markah)